

## **Kejayaan Menengah Kejuruan Negeri 27 Jakarta: Guru, Pelajar Atau Pengurusan Sekolah Sebagai Faktor Kejayaan?**

Anis Zakaria<sup>1\*</sup> dan Farahana Zainal

<sup>1</sup> *Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia*

\* *anis@upm.edu.my*

### **PENGENALAN**

Di Indonesia sejak tahun 1993 lagi bidang pendidikan kesejahteraan keluarga (PKK) telah berdiri sebagai organisasi profesional dengan menggunakan nama Ikatan Sarjana Ilmi Kesejahteraan Keluarga Indonesia (ISIKKI) yang berpusat di Jakarta, Indonesia. PKK merupakan sebuah badan organisasi yang menekankan tentang pendidikan dalam kursus kemahiran. Melly (2007) menyatakan organisasi ini berperanan untuk membantu dalam meningkatkan kualiti sumber manusia dan keluarga. Menurut Soedijarto (2007), sejarah kewujudan pendidikan kesejahteraan keluarga (PKK) adalah berpunca daripada pertumbuhan masalah dalam permasalahan kekeluargaan di Indonesia. Maka, perangkaan program

PKK telah dirangka oleh panitia dalam bahagian pengurusan pendidikan untuk persiapan Pendidikan Kesejahteraan Keluarga pada taraf nasional. Panitia telah membentuk satu Lembaga Nasional PKK dengan rancangan pengajaran yang lengkap. Dari sini, segala program yang akan dilaksanakan oleh sekolah-sekolah atau pihak swasta haruslah selaras dengan program tunggal tersebut. Ini penting bagi memastikan setiap pengajaran yang diberikan adalah hampir sama dan tidak bercanggah atau mempunyai perbezaan yang ketara.

Selain itu, perkara ini dipandang berat oleh pihak lembaga kerana ia juga mempunyai tujuan yang tersendiri seperti untuk meningkatkan kualiti taraf hidup warga Indonesia melalui keluarga sejahtera agar melahirkan warga yang produktif, keperibadian yang baik,

bertaqwa dan terhindar dari kemiskinan. Hasil daripada pandangan dan sokongan dari semua pihak itu telah menempatkan program PKK ini sebagai suatu program pendidikan yang bertaraf sama penting seperti program perubatan, pendidikan dan kejuruteraan di Indonesia. Ini kerana, Indonesia berpendapat program PKK ini mampu meningkatkan taraf kehidupan Indonesia dari segi penguasaan bidang-bidang kemahiran yang menjadi sumber pendapatan warganya. Contoh seperti kemahiran menjahit, kecantikan, dan penyediaan makanan.

Berbanding dengan sistem pendidikan di Malaysia, tidak banyak jauh bezanya cuma tahap perubahan yang buat oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) berperingkat-peringkat. KPM telah membuat transformasi untuk mengubah dasar kurikulum sekolah vokasional kepada kolej vokasional (KV) bagi merombak semula semua kurikulum pengajaran dan pembelajaran di KV. Oleh sebab itu, pada tahun 2013 KPM telah menaik tarafkan secara berperingkat daripada sekolah vokasional kepada kolej vokasional. Namun, pertikaian masih berlaku apabila buah mulut mempersoalkan sejauh mana kemampuan pelajar KV untuk bersaing dengan pelajar-pelajar lepasan institusi pengajian tinggi (IPT). Menurut Tan Tai dan Ariffin (2016) menyatakan lebih 50 peratus pelajar lepasan sekolah rendah di Indonesia akan memasuki ke pangajian aliran kemahiran berbanding dengan di Malaysia. Hanya 33 peratus sahaja pelajar lepasan Peperiksaan Tingkatan 3 (PT3) atau Peperiksaan Menengah Rendah (PMR) akan memasuki pengajian

vokasional. Ini kerana di Malaysia pelajar-pelajar yang mempunyai tahap pemikiran tinggi akan lebih cenderung untuk memasuki ke Maktab Rendah Sains Mara (MRSM). Berlainan dengan struktur pengajian di Indonesia, kerana di Indonesia pelajar cemerlang akan dimasukkan ke sekolah berkemahiran seperti Sekolah Menengah Kejuruan Negeri.

### **MASALAH KAJIAN**

Kejayaan sesebuah sekolah adalah saling bergantung di antara kerjasama pelbagai pihak mahupun guru, ibu bapa, pihak pengurusan dan pelajar-pelajar. Sekolah Menengah Kejuruan Negeri (SMKN) 27, Jakarta, Indonesia, merupakan salah satu daripada sekolah kejuruan yang terhebat di Indonesia. Pencapaian yang diperoleh oleh sekolah ini sangat membanggakan dan kejayaan demi kejayaan yang dilakukan oleh pelajarnya sangat bermutu sehingga mereka mampu melayakkan diri ke pertandingan peringkat antarabangsa. Setiap kejayaan pelajar SMKN 27, Jakarta, Indonesia, dapat dilihat dari setiap pencapaian dalam pertandingan Lanjutan daripada kemenangan-kemenangan itu, SMKN 27, Jakarta, Indonesia, ini juga mengungguli pingat kejuruan berturut-turut dalam pertandingan Liga Komunika Stand (LKS) sejak tahun 2010 sehingga 2013 dalam jurusan penjagaan kulit, dandan rambut, penyediaan makanan dan kecantikan. LKS merupakan suatu pertandingan yang diadakan di Sekolah Menengah Pertama dan Sekolah Menengah Atas Indonesia bagi melihat prestasi pelajar di setiap sekolah. Bagi

juara akan mewakili negara untuk ke peringkat ASEAN pula. Seterusnya telah melayakkan SMKN 27 Jakarta, Indonesia untuk menghantar wakil pelajarinya menyertai *World Skill Competition* (WSC) dalam pelbagai jurusan.

Begitu juga dengan pencapaian Kolej Vokasional di Malaysia, Walaupun pertubuhan kolej vokasional di Malaysia merupakan suatu pembaharuan baru dalam struktur pendidikan Malaysia, namun ia tidak sepatutnya dijadikan sebagai alasan kelemahan kolej vokasional untuk mencapai taraf dan pencapaian yang sama tanding dengan SMKN di Indonesia. Hasil produk yang dilahirkan dari kolej vokasional adalah hampir sama dengan SMKN. Melahirkan pelajar-pelajar yang berkemahiran dalam bidang-bidang yang telah ditetapkan. Namun pencapaian pelajar kolej vokasional masih di tahap rendah. Ini kerana, mereka hanya diberi peluang untuk menyertai pertandingan di peringkat sederhana sahaja. Bagi meningkatkan lagi tahap pencapaian pelajar KV di Malaysia sewajarnya mereka diberikan lebih pendedahan kepada kemahiran dan latihan di luar kampus. Kesannya, selain dapat meningkatkan tahap kemahiran pelajar KV, pihak sekolah juga dapat perhatian daripada badan-badan agensi luar seperti bidang perhotelan, fesyen, kosmetik dan banyak lagi.

Maka, ia dapat menarik minat mereka untuk terus menerapkan pelajar-pelajar KV dalam organisasi mereka. Selain itu, pihak sekolah juga boleh meminta tajaan dan dapatkan bantuan dengan mudah daripada mereka. Ini

dilakukan di SMKN 27 Jakarta, Indonesia. Mereka telah menerima tajaan dan bantuan dari segi pembekalan peralatan makmal dan penyediaan makmal yang cukup dan lengkap hasil daripada kemenangan yang telah mereka capai. SMKN 27, Jakarta, Indonesia, menerima tawaran *Memorandum Of Understanding* (MoU) dengan perusahaan asal Negara Korea iaitu CheilJedang (CJ) yang merupakan anak perusahaan yang bertanggungjawab dalam bahagian makanan dan teknologi dari CJ group. Bentuk kerjasama yang dilakukan ialah menyediakan dapur dan tenaga pengajar yang mengikut standard internasional. Hasil pelajar dari SMKN 27, Jakarta, Indonesia, yang telah menunjukkan prestasi yang cemerlang akan diserap ke dalam *CJ Company*.

## **SOROTAN LITERATUR**

Menurut teori behavioristik belajar adalah perubahan tingkah laku sebagai hasil dari pengalaman, belajar merupakan akibat adanya interaksi antara stimulus dan respon (Slavin, 2000). Guru akan lebih bersedia untuk melaksanakan aktiviti pengajaran di dalam kelas kerana telah didedahkan kepada latihan mengajar sewaktu menjalani kursus mengajar. Hasilnya, guru yang terlatih mampu menyediakan medium pengajaran yang berkesan kepada pelajarinya. Teori ini telah dijalankan ramai pengkaji seperti (John Locke 1690, Edward Thorndike 1874, B. F Skinner 1930) yang menekankan bagaimana persekitaran mampu mempengaruhi sesetengah tingkah laku manusia. Manakala menurut teori environmentalisma yang

diperkenalkan oleh T. O’Riordan (1976) menerangkan faktor persekitaran mampu memberi pengaruh kepada perubahan dan perspektif seseorang itu. Pelajar memerlukan kelas dan makmal yang sempurna dari segi kelengkapan peralatan dan bilangan yang cukup supaya semua pelajar dapat menggunakan alatan tersebut tanpa perlu berebut dengan pelajar lain.

Misty Adoniou (2015), telah membentangkan konsep pengetahuan guru yang menyediakan rangka kerja untuk menggambarkan kerumitan pengetahuan guru. Kerangka kerja ini menerangkan tiga cara untuk mengetahui iaitu mengetahui bagaimana, mengapa dan apa. Setiap guru sepatutnya mampu memberikan penjelasan bagi setiap soalan yang akan diajukan oleh para pelajarnya dengan betul dan tepat. Pengetahuan yang meluas yang dimiliki oleh seorang guru mampu memberikan banyak faedah dalam sesi pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas mahupun amali. Menurut Hills (2015), pengetahuan guru terdiri daripada kedua-dua prestasi pengajaran guru dan pemikiran pengajaran. Oleh itu dalam kajian ini, tingkah laku guru dalam suatu keadaan tertentu, penjelasan dalam bilik darjah, dan interaksi dengan pemikiran pelajar yang mungkin akan menjejaskan pencapaian pelajar lain dilihat sebagai guru berpengetahuan. Guru yang efektif ialah guru yang selalu mencari jalan penyelesaian dalam penyampaian ilmu pengetahuan mereka kepada pelajar-pelajar di sekolah. Menurut kajian Clotfelter (2006), menyatakan seorang guru yang sering membuat kajian lebih dalam tajuk atau

bidang yang diajar akan menjadikan guru tersebut lebih berpengetahuan dan efektif dalam pengajaran beliau.

Terdapat banyak cabaran untuk menjadi guru yang terbaik pada masa kini dengan dugaan yang pelbagai dari segi sikap pelajar dan masalah sosial kini. Seorang guru harus sentiasa bersedia dan berfikiran terbuka untuk memperoleh perhatian daripada pelajar-pelajar. Dalam kajian Brodie (2006), juga menyatakan walaupun guru tersebut telah membuat persediaan awal sebelum mengajar tetapi pelajar tidak menumpukan perhatian terhadap apa yang diajar, usaha itu hanya akan menjadi sia-sia. Penyampaian ilmu tersebut tidak berjaya di sampaikan oleh guru tersebut dan mengakibatkan pelajar gagal untuk menerima ilmu tersebut. Ini akan menyebabkan kegagalan dalam struktur penyampaian ilmu pengetahuan kepada pelajar. Daripada persediaan seperti ini dapat menjadikan guru lebih yakin untuk meneruskan sesi kelas setelah mendapat perhatian dan minat pelajar-pelajar untuk belajar pada hari tersebut. Daripada tahap keyakinan guru yang tinggi mampu membuat pelajar lebih bersemangat dan mahu belajar. Oleh yang demikian, guru boleh mengambil pelbagai pendekatan lain untuk pelajar lebih produktif dalam mencari maklumat tentang pelajaran yang dipelajari. Namun begitu, guru yang terbaik seharusnya membuat kelas pembelajaran dan pengajaran lebih kepada berpusatkan pelajar kerana pelajar hanya mampu memberi tumpuan pada kelas verbal selama tidak lebih dari 15 minit sahaja (Lewis, 2011).

Menurut Gay (2000), kejayaan pelajar adalah bergantung kepada cara dan teknik pengajaran yang dibawa oleh guru tersebut. Guru yang bijak akan lebih perihatin dan pandai menarik perhatian pelajar – pelajar sewaktu berada di dalam kelas. Apabila pelajar dapat memberi tumpuan di dalam kelas, maka pelajar akan lebih mudah faham dalam pengajaran yang di sampaikan oleh guru tersebut. Selain itu, pelajar akan lebih melibatkan diri dalam aktiviti yang dijalankan oleh guru seperti aktiviti dalam kumpulan, perbincangan, dan banyak lagi. Dalam membentuk suatu suasana kelas yang kondusif memerlukan kelengkapan makmal yang sempurna dan lengkap. Menurut kajian Hughes, S. M. (2006) menyatakan terdapat banyak hubungan positif yang berkaitan dengan rekabentuk bangunan dan kelengkapan makmal yang membawa kepada kesan yang baik kepada para pelajar sekolah. Hasil kajian menunjukkan bacaan korelasi yang sangat positif, ini menguatkan lagi kajian beliau bahawa pencapaian pelajar sesebuah sekolah sangat saling bergantung kepada kelengkapan makmal dan rekabentuk sekolah tersebut. Menurut Scheider, M. (2010) menyatakan faktor kemudahan kelengkapan makmal di sekolah memberi kesan kepada produktiviti dari segi kehadiran pelajar dan guru ke sekolah dan mampu meningkatkan tahap akademik pelajar dan kejayaan sekolah tersebut. Permasalahan yang ditimbulkan dalam kajian ini memberikan jalan penyelesaian untuk meningkatkan tahap pencapaian pelajar dan sekolah dari segi akademik pelajar-pelajar. The National Center for Education Statistics (NCES) telah

membuat kutipan data di sekolah-sekolah serata Amerika dalam mengenal pasti tahap kondusi kelengkapan peralatan makmal di sekolah biasa dalam tempoh 2012 sehingga 2013. Sepanjang tempoh berkenaan bacaan menunjukkan sekolah – sekolah di Amerika sentiasa membuat penyelenggaraan yang konsisten bagi memastikan semua peralatan makmal berfungsi dengan baik dan dapat digunakan pada waktu yang sepatutnya dengan sempurna tanpa sebarang masalah. Hasilnya guru dan pelajar dapat menjalani sesi pengajaran dan pembelajaran dengan sempurna tanpa sebarang masalah kerosakan alatan, (John Ralph, 2014).

Pengetahuan tidak dapat dimiliki dengan hanya menimba tanpa menghayati setiap inti pati yang dipelajari. Menurut Sheau (2012), kejayaan seseorang boleh dicapai dengan adanya motivasi diri dan sokongan ibu bapa dalam aspek pembelajaran. Kajian ini menunjukkan pelajar-pelajar harus punyai sikap ingin belajar itu secara sendiri supaya tahap kesanggupan pelajar itu mendorong pelajar berkenaan untuk terus belajar walau terpaksa bersusah payah. Tanpa minat adalah sukar untuk seseorang itu menghabiskan pengajiannya dengan cemerlang. Apa yang kerap berlaku di alam persekolahan adalah sikap pelajar yang sekadar hendak lulus bagi mengelakkan diri daripada terkandas (Hairunnaja, 2006). Individu yang bermotivasi pencapaian tinggi suka mencari cabaran dan bersaing untuk melakukan sesuatu dengan lebih baik dalam memperolehi kepuasaan kejayaannya. Menurut Azizi (2005),

aspek motivasi diri adalah tenaga yang mengangkat diri ke tahap yang diinginkan sendiri.

Pihak pengurusan sekolah juga memainkan peranan penting dalam mewujudkan sebuah sekolah yang berdaya saing. Ini dibuktikan daripada hasil kajian Carsten Schmidtke (2010), yang menyatakan pihak pengurusan juga harus lebih bersifat kreatif dan memberi sokongan yang sepatutnya dalam melahirkan suasana pembelajaran yang selesa kepada pelajar-pelajar. Ini penting kerana ia boleh memberi kesan yang positif kepada pembangunan prestasi pelajar-pelajar. Tidak kira dari segi kemudahan makmal, kelas dan penginapan pelajar tersebut. Pihak pengurusan seharusnya memberi perkhidmatan yang terbaik kepada pelajar. Menurut James P. Spillane (2012), pengurusan sekolah dipertanggungjawabkan dalam perihal penyediaan kelas atau makmal serta semua kemudahan dan kelengkapan para pelajar dalam memudahkan pelajar untuk sesi pembelajaran mereka. Setiap kelas akan diberi kelengkapan yang bersesuaian dengan tujuan kelas tersebut. Sebagai contoh, makmal jahitan akan disediakan kelengkapan jahitan seperti mesin jahit, kelengkapan mengajar, dan pelbagai lagi yang berkaitan dengan kelas jahitan. Walau bagaimanapun, pengetua sekolah adalah sebagai kepala yang harus lebih memainkan peranan dalam melaksanakan tugas untuk meningkatkan taraf sekolah tersebut tidak kira dari segi infrastruktur atau pencapaian pelajar-pelajar sekolahnya, (Anderson, 2003). Ini kerana, segala pembelajaran dan pembekalan

untuk melengkapkan suatu kelas harus melalui persetujuan pengetua sekolah terlebih dahulu. Kelengkapan ini haruslah sempurna supaya semangat pelajar tidak cepat luntur dan berasa bosan ketika berada di dalam kelas. Selain itu, jika semua peralatan kelengkapan adalah lengkap akan tidak berlaku sebarang masalah kekurangan alatan atau perebutan alatan di makmal. Guru juga dapat memberi tunjuk ajar dengan lebih berkesan kepada pelajarnya.

## **METODOLOGI**

Kajian kuantitatif diskriptif ini menggunakan pelajar-pelajar serta guru-guru dan pihak pengurusan sekolah SMKN 27 Jakarta sebagai populasi bagi proses pengumpulan data. Seramai 70 orang responden terdiri daripada 60 orang pelajar dan 10 orang guru. 20 orang pelajar diambil secara rawak dari setiap bidang kursus tata kecantikan, tata busana dan tata boga. Instrument data berbentuk soal selidik dan interview digunakan. Pengalihan Bahasa Indonesia dilakukan ketika pengedaran soalan kaji selidik bagi meningkatkan lagi tahap keasahan jawapan kajian supaya tidak berlaku ketidak fahaman soalan. Terdapat dua borang soal selidik yang berlainan kerana pengedaran soalan diberikan kepada pelajar dan guru. Soal selidik terdapat dua bahagian A dan bahagian B. di bahagian A terdapat lima item berkenaan latar belakang responden. Di bahagian B terdapat 7 item untuk ditanyakan kepada guru manakala 20 item di dalam borang soal selidik pelajar dengan penggunaan skala likert 5 aras. Tahap skor min pembolehubah tersebut diukur dengan

berpandukan jadual penjelasan skor min yang diperolehi dengan menggunakan formula dari sumber Levin dan Rubin (2000). (Jadual 1)

## DAPATAN KAJIAN

Jadual 5 menunjukkan analisis bagi tahap faktor yang mempengaruhi kejayaan Sekolah Menengah Kejuruan Negeri 27, Jakarta, Indonesia, dari padangan guru. Secara keseluruhan menunjukkan hanya dua aspek yang mempunyai nilai purata min terendah iaitu iklim efektif di dalam kelas yang guru lahirkan sewaktu sesi pengajaran dan pembelajaran (P&P) iaitu sebanyak 3.48. Selebihnya menunjukkan purata bacaan min yang tinggi dari skala 3.92 sehingga 4.92. Nilai min yang tinggi bagi semua aspek ini menunjukkan guru-guru mempunyai peranan yang tinggi kepada faktor kejayaan sekolah.

**Jadual 5:** Faktor yang Mempengaruhi Kejayaan SMKN 27 Jakarta, Indonesia dari Pandangan Guru

Bil	Faktor	Min	Tahap faktor kejayaan
1.	Tanggapan guru terhadap kebolehan pelajar	4.26	Tinggi
2.	Langkah sesi pengajaran dan pembelajaran yang berkesan	4.92	Tinggi
3.	Ciri – ciri guru	4.52	Tinggi
4.	Kesan ibu bapa kepada kejayaan pelajar	4.14	Tinggi
5.	Guru lahirkan iklim yang ceria	3.92	Tinggi
6.	Sikap positif guru	4.42	Tinggi

Jadual 6 menunjukkan analisis bagi faktor yang mempengaruhi kejayaan sebuah Sekolah Menengah Kejuruan 27, Jakarta,

Indonesia, dari sudut pandangan pelajar. Hasil daripada kutipan data menunjukkan dua (2) aspek bacaan purata min yang tinggi iaitu 4.01 dan 3.78 iaitu sikap pelajar sendiri dan guru. Manakala lagi dua aspek menunjukkan bacaan purata min yang sederhana iaitu sebanyak 3.34 iaitu kemudahan persediaan makmal amali di sekolah tersebut.

**Jadual 6:** Faktor yang Mempengaruhi Kejayaan Sebuah SMKN 27 Jakarta, Indonesia dari Pandangan Pelajar

Bil	Faktor	Min	Tahap Faktor Kejayaan
1.	Guru	3.95	Tinggi
2.	Kemudahan persediaan makmal amali	3.34	Sederhana
3.	Sikap pelajar sendiri	4.01	Tinggi
4.	Pengurusan pentadbiran	3.78	Tinggi

## PERBINCANGAN

Perbincangan dapatan kajian ini menerangkan bahawa 80 % kalangan guru yang mengajar di SMKN 27, Jakarta, Indonesia, mempunyai latar belakang berpendidikan bertaraf universiti. Manakala, pengaruh pengalaman yang cukup lama juga memainkan peranan dalam melahirkan guru yang berjaya dan mampu memberikan sesi pengajaran dan pembelajaran yang berkesan kepada pelajar. Walaupun dapatan kajian bagi faktor pengalaman guru mengajar menunjukkan kekerapan dan peratus yang sama namun ia cukup untuk membuktikan pengalaman sangat memainkan peranan yang penting dalam penghasilan guru

yang berkualiti. Dapatkan peratusan guru mengikut pengalaman mengajar adalah dalam lingkungan 10 sehingga 30 tahun. Ia merupakan suatu jangka masa yang lama untuk seseorang guru menimba pengalaman sebagai seorang guru yang mengharungi pelbagai permasalahan dalam pendidikan. Seperti yang dinyatakan oleh Hills (2015), pengetahuan guru terdiri daripada kedua-dua prestasi pengajaran guru dan pemikiran pengajaran. Dengan pengalaman dalam jangka masa yang lama mampu membuat seorang guru tersebut berfikiran matang dalam membuat persediaan pengajarannya. Ini sangat bertepatan dengan hasil daripada kajian ini kerana rata-rata guru di SMKN 27, Jakarta, Indonesia, mempunyai pengalaman yang sangat lama dalam lingkungan 10 hingga 30 tahun mendidik dalam bidang yang mereka kursuskan.

Perbincangan dari segi keyakinan guru menunjukkan bahawa guru-guru di SMKN 27, Jakarta, Indonesia, sememangnya mempunyai keyakinan yang tinggi disebabkan oleh ilmu pengetahuan, kemahiran yang tinggi disamping sokongan daripada pihak pengurusan sekolah. Guru-guru sememangnya dihantar berkursus di dalam dan di luar negara daripada situ guru mampu memberikan penyampaian pengajaran didalam kelas dengan penuh keyakinan. Ini sependapat dengan apa yang dinyatakan oleh Frederick C. (2011), di dalam kajian beliau ada menyatakan sikap guru yang ditunjukkan oleh guru mampu memberikan kesan kepada cara pengajaran dan pencapaian pelajar. Penyataan ini bertepatan dengan hasil

kajian ini kerana dapatkan kajian juga menunjukkan bacaan tertinggi daripada item guru sepatutnya sentiasa bersedia untuk mengajar dan memberikan pendedahan ilmu dari luar buku teks (min = 5, sp = 0). Ini disokong juga oleh Muhammad Arifin (2014) dalam kenyataan beliau yang menerangkan guru dapat membina keyakinan sewaktu sesi pengajaran apabila guru tersebut mencapai tahap kepuasan dalam mengajar. Hal ini berlaku di SMKN 27, Jakarta, Indonesia, kerana didapati guru menggunakan kaedah dan alat bantu mengajar yang sangat lengkap dan pelajar mudah untuk memahami apa yang diajar oleh guru di SMKN 27, Jakarta, Indonesia.

Perbincangan yang telah diusulkan oleh Misty Adoniou (2015) juga telah membentangkan konsep pengetahuan guru yang menyediakan rangka kerja untuk menggambarkan kerumitan pengetahuan guru dapat dikenalpasti melalui hasil dapatkan kajian ini. Ini kerana dalam item guru harus mempunyai sidang merancang pengajaran yang lengkap sebelum memulakan sesi kelas (min = 4.60, sp = 1.27, Jakarta, Indonesia. Persediaan awal guru penting dalam melahirkan suasana kelas yang berjalan lancar, kerana kesemua isi-isi yang perlu diajar oleh guru pada waktu tersebut dapat dijalankan seperti yang dirancangkan. Ia bersamaan dengan apa yang diamalkan oleh guru-guru di SMKN 27, Jakarta, Indonesia, kerana guru disana mengamalkan set induksi sebelum memulakan kelas P & P. Ini dapat menarik minat pelajar untuk lebih bersedia sebelum memulakan kelas



tersebut. Maka, daripada itu, pelajar akan lebih cepat memahami apa yang diajarkan oleh guru tersebut sewaktu di dalam kelas. Serta penyampaian guru akan menjadi lebih mudah dan lancar apabila guru mendapat perhatian daripada pelajar sewaktu sesi di dalam kelas.

Dalam dapatan kajian ini menunjukkan faktor kecermelangan pelajar ada empat (4). Dimana faktor yang tertinggi sekali ialah sikap pelajar itu sendiri (min = 4.01, sp = 0.8). Sikap ialah sifat dalaman yang seada di dalam diri pelajar. Dalam membentuk sikap yang positif seseorang harus bijak mengawal emosi dan tingkah laku diri. Jika diri mempunyai motivasi yang positif maka ia dapat menghasilkan suatu tingkah laku yang positif. Begitu juga guru di SMKN 27, Jakarta, Indonesia, dimana mereka sangat mengambil berat pelajar-pelajar mereka. Hasil kajian ini bertepatan dengan pendapat yang dinyatakan oleh Azizi (2005), di dalam hasil kajian beliau menunjukkan aspek motivasi diri adalah tenaga yang mengangkat diri ke tahap yang diinginkan sendiri. Daripada item pelajar menyukai mata pelajaran berkaitan teknikal dan kerja amali (min=4.58, sp=0.62) dapat menunjukkan betapa motivasi diri sangat penting dalam membentuk minat dan kerelaan pelajar dalam mempelajari sesuatu kursus tanpa perlu dipaksa. Ini sangat bertepatan dengan hasil kajian yang beliau telah jalankan sebelum ini. Maka, kesannya pelajar dapat mengikuti kursus berkenaan dengan lebih mudah dan lancar kerana pelajar meminati kursus tersebut dan mahu untuk mempelajarinya. Sepanjang pemerhatian sewaktu sesi pengajaran dan

pembelajaran dijalankan di SMKN 27, Jakarta, Indonesia, menunjukkan pelajar-pelajar sangat menunjukkan minat dan semangat untuk belajar di dalam kelas. Selain itu, mereka menghidupkan suasana yang ceria sambil melakukan kerja yang ditugaskan kepada mereka. Kerjasama yang ditunjukkan diantara pelajar-pelajar juga sangat memberangsangkan dimana mereka saling bantu-membantu antara satu sama lain.

Tahap penglibatan pihak pengurusan sekolah mampu menjana sistem pembelajaran pelajar sehingga pelajar mampu berdaya saing di peringkat antarabangsa. Perbincangan ini secara tak langsung telah menyokong hasil kajian yang telah dijalankan oleh Carsten Schmidtke (2010), pihak pengurusan sekolah juga harus lebih bersifat kreatif fan memberi sokongan yang sepatutnya dalam melahirkan suasana pembelajaran yang selesa kepada pelajar-pelajar. Item pengetua perlu berperanan memastikan segala tenaga dan usaha guru-guru digembleng dengan menggunakan sumber yang ada ke arah pencapaian program pendidikan yang berkesan (min = 4.15, sp = 0.58) mampu dibuktikan daripada kenyataan yang dibuat tadi. Ini kerana, pengetua merupakan ketua bagi pihak pengurusan yang mampu mengeluarkan arahan bagi menambah baikkan fasiliti dan infrastruktur sekolah berkenan supaya lebih selesa dan lengkap untuk kegunaan pelajar-pelajarnya dalam pelajaran. Daripada situ sekolah dapat memberikan sumbangan dalam membentuk pelajar cemerlang setelah membekalkan keperluan dan kelengkapan yang sempurna kepada pelajar untuk menjalani

sesi kelas harian pelajar. Selain itu, hasil kajian James P. Spillane (2012) juga menyokong hasil dapatan kajian ini kerana beliau menyatakan pihak pengurusan sekolah sewajarnya dipertanggungjawabkan dalam perihal penyediaan kelas atau makmal serta semua kemudahan dan kelengkapan para pelajar bagi memudahkan pelajar untuk menjalani sesi pembelajaran mereka. Hasilnya, guru dapat mengajar dengan yakin dan pelajar dapat belajar dengan selesa. Sewajarnya, pihak pengurusan di SMKN 27, Jakarta, Indonesia, berasa lebih prihatin dan sering turun padang untuk berada lebih dekat dengan pelajar-pelajar mereka bagi memberikan sokongan dan galakkan dalam peningkatan pelajaran mereka.

## **KESIMPULAN**

Faktor-faktor yang membawa kepada kecemerlangan sebuah sekolah adalah saling berkaitan antara guru, pelajar dan pengurusan sekolah. Namun memandangkan tunjang asas didalam sesebuah sekolah adalah guru, maka dapatan kajian lebih banyak menunjukkan kepentingan guru dalam menghasilkan pelajar-pelajar yang cemerlang. Ini kerana, guru adalah penyampai dan pembekal ilmu kepada pelajar. Cara penyampaian ilmu tersebut sangat penting supaya pelajar dapat menerima segala ilmu untuk dipraktikkan semasa amali. Maka, guru yang bagus adalah guru yang sentiasa bersedia untuk mengajar dan mempunyai ilmu dalam pengajaran beliau serta memiliki pelbagai kaedah dalam penyampaian pengajarannya. Manakala, pengurusan adalah pembekal utama

dalam melengkapkan kelengkapan pembelajaran pelajar-pelajar di sekolah. Jika pengurus gagal dalam membekalkan keperluan pelajar, maka pelajar tidak dapat meneruskan sesi pembelajaran dengan proses menimba ilmu itu akan terbatas. Hasilnya, pelajar gagal untuk mendapatkan prestasi cemerlang dalam pelajarannya.

Begitu juga dengan pelajar, pelajar seharusnya punyai sikap, minat dan motivasi diri yang tinggi untuk mempelajari kursus kemahiran ini. Ini kerana, kursus ini memerlukan menelitian dan kesungguhan dalam mempelajarinya. Tanpa minat pelajar tidak akan dapat menghasilkan suatu produk atau prestasi yang baik.

## **CADANGAN**

- 1) Kemudahan persediaan peralatan makmal di sesebuah sekolah seharusnya lengkap dan moden bagi memberikan kemudahan kepada pelajar untuk mengikuti setiap sesi pembelajaran selain daripada memberikan keselesaan yang tinggi kepada pelajar untuk memberikan fokus ketika belajar di dalam makmal. Rata-rata kesediaan makmal yang dilakukan di SMKN 27 Jakarta, Indonesia adalah pada tahap yang memuaskan ini kerana hanya makmal kulinari pastri sahaja disediakan makmal yang sangat lengkap dan selesa. Ini mungkin disebabkan hasil daripada kolaborasi pihak SMKN 27 Jakarta, Indonesia dengan pihak luar iaitu CJ Korea. Oleh sebab itu, pihak pengurusan SMKN 27 Jakarta,

Indonesia seharusnya membuat tinjauan pada makmal lain seperti makmal jahitan dan dandanan rambut. Ini kerana, kedua-dua makmal ini masih lagi pada tahap kesederhanaan dari segi peralatan dan kemudahan yang disediakan.

- 2) Iklim merupakan suasana yang sepatutnya dijadikan sebagai satu pembantu untuk memudahkan guru dalam sesi pembelajaran dalam melahirkan minat pelajar untuk kekal fokus dalam kelas tersebut. Daripada hasil dapatan kajian ini menunjukkan guru di SMKN 27, Jakarta, Indonesia, kurang mengamalkan atau membentuk iklim kelas yang kondusif.
- 3) Mempelbagaikan teknik pengajaran didalam kelas Walaupun guru di SMKN 27, Jakarta, Indonesia, ini kebanyakannya menyediakan kaedah pengajaran yang berpusat kan pelajar namun mungkin kerana teknik yang digunakan adalah sama, tiada kepelbagaian dalam penyampaian dan tiada penggunaan model pengajaran yang bersesuaian. Seperti yang dinyatakan oleh Lewis (2011), guru yang terbaik seharusnya membuat kelas pembelajaran dan pengajaran yang lebih kepada berpusatkan pelajar kerana pelajar hanya mampu memberikan tumpuan pada kelas verbal selama tidak lebih dari 15 minit sahaja. Penggunaan model pengajaran dan kaedah pengajaran yang pelbagai sangatlah digalakkan.
- 4) Guru seharusnya memainkan peranan penting dalam membentuk dan membimbing pelajar-pelajar yang

lemah dan berpotensi gagal. Pelajar seperti ini seharusnya diberi lebih perhatian oleh guru supaya motivasi diri mereka tidak makin rendah dan jatuh. Ini boleh menyebabkan pelajar tersebut hilang fokus dan minat dalam meneruskan pelajarannya. Dalam kondusi ini, guru harus memainkan peranan penting bagi meningkatkan semula motivasi diri pelajar tersebut dan sering membuat pantauan terhadapnya agar pelajar ini tidak ketinggalan dan tercicir di dalam kelas dan pelajarannya.

- 5) Pihak SMKN 27 Jakarta, Indonesia juga boleh menganjurkan program kolaborasi dengan Kolej Vokasional Malaysia untuk saling bekerjasama dan berkongsi pendapat dalam melahirkan kaedah dan teknik pengajaran kursus kemahiran dengan lebih berkesan. Disamping itu, mereka boleh menganjurkan pertandingan piala pusingan untuk menilai tahap kecemerlangan dan hasil pelajar-pelajar dari sekolah masing-masing bagi meningkatkan kualiti pelajar-pelajar.

## RUJUKAN

- Adoniou, M. (2015). *Asia-Pacific Journal of Teacher Teacher knowledge: a complex tapestry*, (July).
- Azizi Yahaya, dan Nadia Farhana Mohammad Zabidi. (2005). *Kualiti diri guru pelatih berdasarkan teori*.
- Alexander, P. (2008). *Charting the course for the teaching profession: The energizing and sustaining role of motivational forces*. *Learning and Instruction*, 18, pp : 483–491.
- Clotfelter, Charles T., Helen F. Ladd, Jacob L. Vigdor, and Justin Wheeler. 2007. "High-Poverty Schools and the Distribution of Teachers and Principals." CALDER

- Working Paper 1. Washington, DC: The Urban Institute.
- Gay, G. (2002). Aacte Outstanding Writing Award Recipient Preparing for Culturally Responsive Teaching. *Journal of Teacher Education, 53*(2).
- Shuls, J. V, dan Trivitt, J. R. (2015). Teacher Qualifications and Productivity in Secondary Schools. *Journal of School Choice, 9*(1),pp : 49–70.
- Spillane, James P. (2015). Managing instructional quality and leading instructional improvement: Engaging with the essence of school improvement. *Australian Educational Leader, 37*(1), pp :18-22
- Lewis, L., dan Kaplan, J. (2000). Condition of America ' s Public School Facilities : 1999 Condition of America ' s Public School Facilities : 1999, (June).
- Tan Tai dan Ariffin, (2015). Penilaian Pelaksanaan Program Pendidikan Di SMT/SMV/KV. FP. UTM Johor.
- Harris, J., Mishra, P., dan Koehler, M. (2008). Teachers' Technological Pedagogical Content Knowledge and Learning Activity Types: Curriculum-Based Technology Integration Reframed. *Journal of Research on Technology in Education, 41*(4), pp : 393–416.
- Mishra, P., dan Koehler, M. J. (2006). Technological pedagogical content knowledge: A framework for teacher knowledge. *Teachers College Record*.
- O. Hopland, A. (2013). School Facilities and Student Achievement in Industrial Countries: Evidence from the TIMSS. *International Education Studies, 6*(3), 162–171. Capaian daripada laman <http://doi.org/10.5539/ies.v6n3p162>
- Schmidtke, Carsten. (2010). Math and Science Instructors' Perceptions of Their American Indian Students at a Sub-Baccalaureate Technical College: A Delphi Study. *Journal of Career and Technical Education, 25*(2), 8–23. Capaian daripada laman <http://search.ebscohost.com/login.aspx?direct=true&db=eric&AN=EJ931093&site=ehost->